

22 SEP 1997

Soeharto-kebakaran

SOEHARTO TERIMA TAWARAN MALAYSIA PADAMKAN KEBAKARAN HUTAN

JAKARTA, 22 Sept (Bernama) -- Presiden Soeharto hari ini bersetuju untuk menggunakan bantuan Malaysia bagi mengatasi masalah jerebu yang melanda negara, kata para pegawai.

Bercakap selepas mengadakan pertemuan dengan Soeharto, Menteri Koordinator Kebajikan Sosial, Azwar Anas berkata Malaysia telah menawarkan untuk menghantar lebih 1,200 anggota bomba dan kakitangan perubatan ke Sumatera.

Selain itu, Malaysia juga menawarkan menghantar 130 lagi anggota bomba dari Sabah dan Kuching, Sarawak untuk memadamkan kebakaran hutan di Kalimantan, katanya.

Anas berkata gabenor wilayah Riau di Sumatera Tengah, Soeripto berkata anggota bomba dari Malaysia itu patut dihantar ke Jambi dan wilayah-wilayah Sumatera Selatan memandangkan kebakaran hutan di Riau telah padam.

Beliau berkata Malaysia juga menawarkan pesawat pengangkut C-130 untuk menjalankan operasi pembenihan awan di Indonesia, serta menawarkan lapangan terbang Subang dan Labuan untuk digunakan oleh pesawat Indonesia semasa operasi tersebut.

Salah sebuah daripada pesawat itu akan berlepas dari Subang dan dua lagi dari Labuan, katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah meminta pemerintah Indonesia mendedahkan nama-nama syarikat perladangan Malaysia yang terlibat melakukan pembakaran hutan di sini, kata Anas.

Dalam pada itu, Menteri Alam Sekitar Sarwono Kusumaatmadja berkata Presiden Soeharto telah meluluskan Undang-undang Alam Sekitar yang baru untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang melakukan pembakaran hutan.

Undang-undang baru itu akan memberikan kuasa serta-merta kepada pihak berkuasa Indonesia untuk mendakwa mereka yang bertanggungjawab menyebabkan pencemaran alam sekitar, katanya.

Minggu lepas, kerajaan mendedahkan nama-nama 176 buah syarikat, kebanyakannya syarikat perladangan, yang rakaman satelit menunjukkan kebakaran berlaku dalam kawasan konsesi mereka.--Bernama

hs oba